

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**

TARIKH : 05 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan seterusnya ke atas Marina Jabatan Marin Pulau Matagor Pangkor selepas siasatan tim audit dilakukan pada September 2018.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

1. Pengauditan terhadap Pengurusan Marina Awam telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) mulai 7 Ogos 2017 sehingga 19 Mac 2018 termasuk melibatkan Marina Pulau Mentagor, Perak. Objektif pengauditan dijalankan adalah untuk menilai kecekapan pengurusan marina awam selaras mencapai objektif yang ditetapkan. JAN melalui Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) bertujuan membincangkan tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi Kerajaan terhadap isu-isu punitif yang dibangkitkan dalam LKAN.
2. Susulan itu, mesyuarat bagi membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN 2017 berkaitan Pengurusan Marina Mentagor, Perak telah dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara pada 12 September 2018 di Cyberjaya. Pemerhatian JAN melalui LKAN 2017 mendapati Marina Pulau Mentagor tidak pernah beroperasi sejak ia disiapkan pada 31 Julai 2007. Perkara ini berlaku ekoran isu hak milik tanah dan terma rujukan cadangan penswastaan yang tidak selesai sejak tahun 2008.
3. Jemaah Menteri pada 4 Disember 2015 antara lain telah bersetuju supaya Marina Pulau Mentagor, Perak dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dengan kadar pajakan permulaan sebanyak RM160,000.00 setahun. Namun, mesyuarat antara pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dan Majlis Perbandaran Manjung pada 22 Februari 2017 dan 2 Mac 2018 telah memaklumkan perlu mengkaji semula keputusan untuk menerima pajakan tersebut atas sebab utama kadar pajakan yang terlalu tinggi, serta kerosakan pontoon yang serius akibat ribut luar biasa yang melanda kawasan marina ini. Kejadian ribut yang di luar jangka memberi kesan kepada cadangan pembangunan chalet-chalet terapung. Seterusnya, Majlis Perbandaran Manjung telah memaklumkan secara rasmi kepada Jabatan Ketua Pengarah dan

Galian Persekutuan pada 19 Julai 2018 bahawa Majlis Perbandaran Manjung tidak berminat terhadap pajakan marina ini.

Yang Di Pertua,

4. Pada 27 September 2018, satu perbincangan antara Kementerian Pengangkutan dan JLM telah diadakan bersama pihak YTL Land Development Bhd. berhubung cadangan JLM untuk menawarkan pengurusan marina ini kepada YTL Land Development Bhd. Melalui perbincangan tersebut, pihak YTL memaklumkan akan membawa cadangan tersebut ke pengurusan tertinggi syarikat untuk membuat keputusan.
5. Selepas tempoh 1 bulan yang diberikan kepada pihak YTL, Kementerian dan JLM tidak menerima sebarang maklumbalas berhubung cadangan tawaran tersebut. Susulan itu, JLM telah mengambil tindakan susulan pada 1 November 2018 dengan mengemukakan surat kepada syarikat YTL berhubung status tawaran yang dimaksudkan. Namun, JLM sekali lagi tidak menerima sebarang maklumbalas daripada pihak YTL dalam waktu yang ditetapkan iaitu sehingga 5 November 2018. Oleh yang demikian, JLM beranggapan pihak YTL tidak berminat dengan tawaran tersebut.
6. Secara prinsipnya, JLM menghadapi beberapa masalah dan kekangan dalam mengurus dan mengoperasikan marina yang mana adalah bukan fungsi utama Jabatan. Justeru, Kementerian Pengangkutan dan JLM pada masa ini sedang meneliti cadangan agar kesemua marina awam di bawah seliaan JLM termasuk Marina Pulau Mentagor, Perak diswastakan samada melalui pajakan jangka panjang atau outright sale dan dibuat secara tender terbuka mengikut kesesuaian setiap marina.
7. Kesemua marina-marina di bawah seliaan JLM ini perlu diswastakan dan diurus berdasarkan prinsip komersial dan berorientasikan kepada perniagaan. Perlu ditekankan bahawa marina-marina awam ini merupakan aset kerajaan yang mempunyai

NO. SOALAN: 13

nilai potensi komersial yang tinggi, maka dengan menswastakan marina-marina tersebut, dapat memberi nafas baru dari segi kreativiti model perniagaan bagi membolehkan marina dapat diurus secara komersial sekali gus dapat memberikan pulangan kepada pihak syarikat dan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 13

Disediakan oleh:

Nama : Nik Nadiah Amalina binti Yasin
Jawatan : PSU (KM) 2
Telefon Pejabat : 03-8892 1304
Emel : niknadiyah@mot.gov.my

Disemak oleh:

Nama : Zalikha binti Moslim
Jawatan : KPSU (KM)
Telefon Pejabat : 03-8892 1291
Emel : zalikha@mot.gov.my